

Pengkaedahan Melayu-Islam dalam Kritikan Sastera*

oleh

Sahlan Mohd. Saman
Universiti Kebangsaan Malaysia

I. Pengenalan

Kritikan sastera terhasil oleh kekritisan rasa dan fikir tentang sesuatu teks atau judul sastera. Ianya bertujuan menjelaskan sesuatu fenomena atau secara menyeluruh memberikan huraian tentang sesuatu yang perlu. Natiyahnya adalah pembaca persis mendapat cahaya yang lebih terang setelah beberapa ketika dihujani kesamaran terhadap proses penghayatan yang relevan. Sekiranya pembaca menerima kesan keliru atau semakin tidak jelas, maka sudah tentu ada salahnya umpama jambatan yang menghubungkan dua tebing.

Kalau seseorang tidak dapat memanfaatkan sebuah kritikan setelah membacanya, dia telah ditimpa musibah oleh kritikawan yang menghasilkannya (sudah pasti pembaca itu penuh sedar apa yang hendak dicarinya) mungkin kerana beberapa sebab seperti ketidakcocokan bahasa, kesalahan istilah, terlalu banyak polisemi dan akhirnya pendekatan yang digunakan tidak sesuai dengan bahasa atau data. Kita harus memastikan fenomena tersebut disesuaikan dengan khalayak, kalau kita seorang kritikawan.

Pendekatan sangat penting dalam kerja melunaskan sebuah kritikan sastera yang berkesan kepada khalayak, adil kepada pembaca, kepada teks dan pengarang teks itu. Pendekatan menentukan arah perbincangan, memberikan premis serta tapak sebagai panduan kepada kritikawan. Pendekatan berperanan menghindarkan hal-hal emosi

*Tulisan ini telah diperbaiki daripada kertas kerja Seminar Sehari Teori dan Kritikan Sastera, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 13 Oktober 2005.

menyelinap ke dalam sebuah kritikan. Akhirnya pendekatan mampu menjelmakan sebuah kritikan objektif dan saintifik.

Seorang kritikawan sepatutnya memanfaatkan satu pendekatan bagi sebuah teks yang dihadapinya. Kritikawan lain diberi ruang dan peluang memanfaatkan pendekatan lain pula walaupun dengan teks yang sama. Dapatan dan kesimpulan sudah pasti berbeza, memperlihatkan kepelbagaian dimensi ilmu, citra dan pengalaman yang tersurat mekipun tersirat dalam sesebuah teks. Tugas kritikawan menyerlahkan perihal yang mungkin tersirat (yang tersurat tidak perlukan penyerlahan) dengan perspektif atau pendekatan yang dipilihnya.

Namun kesesuaian pendekatan dengan teks adalah sesuatu yang diberikan keutamaan oleh kritikawan. Sebagai contoh, novel *Empangan* karya Zakaria Ali tidak wajar dihayati dengan pendekatan psikologi Freud atau psikologi nafs Al-Ghazali; pendekatan politik, ekonomi, alam sekitar, pembangunan dan budaya antara yang sesuai menjadi pilihan. Kritikawan yang mungkin diberikan pilihan eklektik sekiranya dua atau tiga pendekatan menjadi pilihan sekaligus. Kebijaksanaan kritikawan dipandu-arrah oleh pendekatan yang dipilihnya.

Tulisan ini akan membincangkan kritikan sastera dengan pendekatan Melayu-Islam. Sejak dulu orang Melayu sinonim dengan Islam. Orang Melayu punya sentimen tinggi terhadap Islam. Al-din Islam telahpun menyerap ke dalam jiwaraga orang Melayu. Oleh itu, agama Islam tidak mungkin boleh dipisahkan daripada Melayu. Karya sastera yang dihasilkan pengarang Melayu secara automatik diasosiasikan dengan agamanya sebagai al-dinnya, kehidupan komprehensifnya.

II Pendekatan Islam

Pertama kita wajib bertapak di atas Al-Quran dan Hadis Muhammad s.a.w. Dari atas tapak itu, kita melebar ke ruang geografis yang lebih besar dengan pelbagai pegangan serta tafsiran yang tidak tergelincir daripada landasan tapak itu.

Bahawa kita mengerjakan kritikan sastra dengan niat keilmuan, keikhlasan dan kejujuran seperti digagaskan oleh Shahnnon Ahmad, sebagai suatu ibadah kerana Allah dan bermanfaat untuk manusia.¹ Dia turut menegaskan bahawa sastra yang “dihasilkan oleh manusia kerana manusia untuk manusia”.² tidak ada kaitannya dengan agama Islam yang Allah ciptakan untuk manusia dan memakmurkan alam ini. Sastra sedemikian seperti yang dislogankan oleh ASAS 50 suatu masa dulu “seni untuk masyarakat” dengan keterbatasan daya pemikiran manusia itu sendiri. Perlakuan mereka bercanggah dengan gagasan sastra Islam. Berkarya sama ada dalam bentuk budaya, seni atau sastra yang bertonggalkan Islam sama saja seperti beribadah atau berbakti kerana Allah.³

Persoalan teologi dan sejarah Islam tidak penting, sebaliknya iman dan iktiqad melalui ilmu pengetahuan usuluddin dan tauhid amat dituntut. Tanpa kedua-dua yang akhir itu, maka hasil tulisan seseorang itu jika ingin digolongkan ke dalam sastra Islam amat diragukan.⁴ Dengan ingatan bahawa sastra mestilah dihasilkan oleh karyawan yang beriman (memenuhi enam rukun itu) seperti difirmankan Allah dalam Surah Al-Syu'ara ayat 224-227 yang mafhumnya seperti berikut:

Dan ahli-ahli syair itu diikuti oleh orang-orang sesat. Tidakkah engkau lihat, bahawa mereka itu berlebih-lebihan pada tiap-tiap lembah (perkataan). Sesungguhnya mereka menyatakan apa yang tiada mereka perbuat kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, serta banyak mengingat dan mereka beroleh kemenangan sesudah teraniaya. Nanti aku tahu orang-orang yang aniaya, ke tempat mana mereka kembali.

¹ Ini adalah gagasan teori Sastra Islam yang tercipta awal tahun 70-an; diterima khalayak sastra Malaysia sepuluh tahun kemudian, dekad 1980-an. Lihat Shahnnon Ahmad 1977. “Sastra Islam” dlm. *Dewan Bahasa*, Julai h. 427.

² Nordin Mohammad. 1997. “Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Novel-novel Pilihan Shahnnon Ahmad” tesis MA, Jabatan Persuratan Melayu, UKM, h. 107.

³ Shahnnon Ahmad, op. cit.

⁴ Shahnnon Ahmad. 1983. “Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah” dlm. *Dewan Sastra*, Januari, h. 47.

Ingatan Allah ditujukan kepada pengarang (bukan penyair sahaja) yang beriman agar setiap kali berkarya matlamat atau natijah seseorang itu untuk mengukuhkan iktiqad dan keimanan diri serta khalayaknya. Yang diseru adalah kemakrufan; yang dihindari iaitu kemungkaran. Yang disuratkan adalah kebenaran serta keindahan demi memperlihatkan kemahakuasaan serta segala “kemahaan” Allah s.w.t. Khalayak mendapat manfaat daripada proses membaca, di samping itu estetik yang tidak menyesatkan yang ada kebenaran keindahannya pada mata dan hati pembaca. Sebagai contoh, selain seni sastera, seorang pengkaji estetik dari Eropah mencatatkan bahawa “kaligrafi lebih dari sekadar reproduksi bahasa dan kata-kata,”⁵ berhubungan dengan bentuk dan gaya yang tidak memerlukan kata-kata.

Kita faham bahawa kata-kata dalam karangan sastera membawakan keindahan berbentuk dalam yang hanya dapat dinikmati oleh mata hati yang jernih, yang tidak dicemari oleh “kemungkaran” pemikiran apa lagi perlakuan atau yang seumpamanya. Sebaliknya, kalau karangan sastera diisi secara tersirat oleh ajakan mungkar iblis dan syaitan, maka lambat laun pembaca turut terseret ke kancuh yang diniatkan—jahat dan mungkin menyesatkan.

Kedua, kita bergerak secara kelompok seperti pada dekad 70-an dan 80-an dulu. Penerimaan khalayak sastera Malaysia terhadap gagasan Sastera Islam Shahnnon Ahmad telah meredakan pengaruh Barat yang sarat dimuatkan dalam drama ala-absurd yang mempromosikan falsafah eksistensialisme yang menyesatkan. Ternyata tokoh-tokoh drama ala-absurd Malaysia telah mengendurkan pementasan mereka pada dekad 90-an. Namun suatu citra baru telah diperkenalkan iaitu pascamodenisme, suatu bentuk pemikiran yang amat seacuan dengan absurdisme. Mereka turut menolak kebenaran sejarah serta kegemilangan masa lampau, menyahkan kekuasaan malah sejarah diri individu serta masyarakat. Agama tidak ada dalam perbendaharaan kata mereka.

⁵ Oliver Leaman. 2004. *Menafsirkan Seni dan Keindahan Estetika Islam*. Bandung: Mizan Pustaka, h. 45.

Dunia sastra Melayu cukup waspada dan tidak melupakan keghairahan sosialisme ASAS 50, dan drama ala-absurd dekad 70-an dan 80-an. Pascamodenisme yang dianggap kolonialisme lama yang menganut hegemoni datang ke Nusantara dengan “jubah baru” tetap tidak dapat menerobosi benteng Islam yang telah lama kukuh dengan ketaqwaan serta keimannya.

II. Dunia Kritikan Sastra

Dunia kritikan sastra Melayu tetap berkembang positif menerima sambil menyaring kemasukan pengaruh terutamanya dari Barat. Puluhan teori kritikan terus mewarnai dunia kritikan kita terutama di institusi pengajian tinggi serta dalam wadah tulisan seperti majalah dan jurnal sastra. Kita terus berkenalan dengan pendekatan-pendekatan baru seperti feminisme, gender, antarabudaya, pascakolonialisme, pascamodenisme, dan hermeneutik. Kita telah berjaya mengekang penerimaan menyeluruh pendekatan psikoanalisis Sigmund Freud yang sebahagiannya menyesatkan aqidah dan keimanan kita. Proses penyaringan telah kita laksanakan demi menjaga jati diri serta keimanan kita.

Sarjana kita pun mulai mengangkat serta mengibarkan bendera jati diri sebagai maruah suatu bangsa yang bertamadun mewarisi sejarah yang cukup besar jua. Lantas pemikiran serta pembinaan teori sastra sendiri mulai digerakkan. Asas perbincangan awal tentang sastra Melayu moden yang diberikan oleh Hamzah Fansuri, Abdullah Abdul Kadir Munsyi dan Syed Muhd. Naquib Al-Attas telah memberikan kekuatan intelektual kepada Shahnon Ahmad memulakan pembinaan teori sastra Islam. Bermula awal dekad 70-an dan diperkukuhkan selama sepuluh tahun, teori Sastra Islam (sekurang-kurangnya untuk gugusan Nusantara) telahpun diterima khalayak (perbincangan hal ini di bahagian awal tulisan ini).

Seorang sarjana orientalis yang menekuni sastra Melayu tradisional telah mencabar kesarjanaan intelektual sastra Melayu apabila dia menghasilkan teori estetik

atau keindahan dalam sastra Melayu.⁶ Tulisan V.I. Brangisky itu telah disambut oleh Profesor Pengajian Melayu, UKM, Muhammad Haji Salleh, yang pada tahun 1989 telah mengemukakan teori Puitika Sastra Melayu⁷ sebagai teks syarahan perdananya yang disampaikan di UKM pada tahun yang sama. Teori ini turut menyangkut keindahan yang terdapat dalam teks sastra lisan serta pengarang dan penyampainya (dalang atau Awang Batil) sekali. Di dalamnya terangkum akhlak etos, budaya, pandangan hidup, sejarah alam sekitar serta lingkungannya.⁸ Bahwa keindahan dalam konsep Melayu itu berkait rapat dengan alam dan persekitaran tempat tinggalnya; dan sebuah karya yang dianggap indah tetap dengan sifat didaktiknya⁹ iaitu meninggalkan kesan pengajaran positif yang berguna untuk kehidupan atau masa depan pembaca itu sendiri. Kita sama juga kembali kepada “berhikmah kepada manusia” seperti dituntut teori Sastra Islam.

Kemudian seorang lagi sarjana Melayu, Hashim Awang, telah mengemukakan gagasan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskannya kepada kitab (terbitan mutbaah wamatbaah wal maarif, Pulau Pinang)¹⁰ iaitu *Taj-al-mulk*. Hashim Awang merumuskan bahawa pengarang Melayu menghasilkan karyanya berlandaskan kepada dua hakikat: alamiahnya dan keagamaan.

⁶ V.I. Branginsky, 1979. “The Concept of ‘The Beautiful’ in Malay Classical Literature and its Muslim Roots” kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 8-10 September.


⁷ Muhammad Hajai Salleh. 1989. “Puitika Sastra Melayu: Satu Pertimbangan”. Syarahan Perdana pengukuhan Jawatan Profesor UKM, disampaikan pada 30 Ogos. Pada tahun 2000 pengarang telah menerbitkannya semula (setelah dijadikan 9 bab) dengan judul *Puitika Sastra Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁸ Kertas kerja “Teori Sastra Melayu: Suatu Perjalanan Yang Masih Panjang” Kolokium Teori Sastra anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Port Dickson, 16-18 Disember 1996- Sahlan Mohd. Saman, h.4.


⁹ Mahanum Zakaria, “Kritikan Sastra Melayu Mutakhir: Satu Kajian Kecenderungan” (Latihan Ilmiah), Jabatan Persuratan Melayu, FSSK, UKM, 1995, h. 85.

¹⁰ Kertas kerja itu telahpun terbit dalam Sahlan Mohd. Saman, *Pengarang, Teks dan Khalayak*, 1994, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 326-37.

Bahawa dari segi teori perbandingan, pegangan orang Melayu terhadap alam dan agama sangat kuat; teori China klasik meletakkan alam saja pada paksi teratas tanpa mementingkan agama. Secara visual perbandingan itu dapat diperlihatkan seperti berikut:



Pada teori kepengarangan Melayu, agama itu lebih hampir dengan pengarang berbanding alam; dan agama menjadi penyukat fiilnya di dunia (semasa hidupnya) dan di akhirat (pascahidupnya). Pahala dan dosa dijadikan unit pengukur yang mesti dipatuhinya:



Pengarang yang berada di tengah-tengah bulatan bertanggungjawab ke atas, ke bawah dan ke kiri kanannya. Secara simbolik dia bertanggungjawab terhadap

karangannya terutama kepada Allah s.w.t. semasa dan sesudah hayatnya. Dia juga perlu menjawab kepada manusia serta alamnya atas hubungan *hablumminnas*. Begitulah kedudukan seorang pengarang muslim.

Bagaimana pula hubungannya dengan kritikan sastera? Dia “memeriksa” hasil tulisan kreatif mengikut garis panduan tertentu yang “dihalalkan” oleh disiplin ini. Pemeriksaannya itu diberikan pelbagai nama mengikut hasil terakhir: ulasan, tinjauan, resensi, penghayatan dan kritikan. Kritikan dilaksanakan dengan teori atau pendekatan yang relevan dengan teks yang diperkatakan. Kecuaian memilih pendekatan sudah pasti menghasilkan sebuah kritikan yang mengecewakan, yang mungkin tidak adil kepada teks, kepada pengarang dan pembaca. Itu hakikat ilmiah yang perlu dijaga kemurniannya.

III. Pengkaedahan Melayu-Islam

Pengkaedahan tersebut tidak terkecuali daripada syarat-syarat yang dibincangkan sebelum ini. Bahawa hanya karya sastera yang dihasilkan oleh seorang muslim tentang wacana yang ada kaitannya dengan kehidupan atau alam yang ‘muslim’ juga relevan dengan kritikan bercorak Islam. Di Malaysia, secara umum, pengarang Melayu menghasilkan karya yang mengambil latar masyarakat dan budaya Malaysia. Watak-watak di dalamnya sudah pasti secara lazim orang Melayu dengan kebudayaan Melayu serta amalan Islam, kecuali beberapa buah wacana seperti *Naratif Ogonshoto* Anwar Ridhwan, *Shit* Shahnnon Ahmad dan cerita Si Tanggang hasil adaptasi suatu cerita lisan Melayu oleh Muhammad Haji Salleh.

Naratif Ogonshoto membawakan latar cerita dan budaya Jepun; *Shit* adalah citra politik yang dibentang secara simbolik; Si Tanggang pula mengambil latar zaman pra-Islam tetapi teras cerita dan wataknya tetap Melayu. Perihal pengkaedahan tersebut hanya sebagai wahana atau *vehicle* penghayatan. Maka wahana lain (yang relevan) bolehlah digunakan sekiranya diminta membuat suatu kritikan terhadap mana-mana satu wacana tersebut.

Untuk lebih jelas dan tertib pembicaraan bahagian ini, kita ambil sebuah karya misalnya novel *Ranjau Sepanjang Jalan (RSJ)* karya Shahnnon Ahmad sebagai teks fokus, bukan kritikan. Beberapa pertimbangan seperti berikut menghalalkan kita memilih *RSJ* jadi focus pembicaraan kerana

- a) latarnya kampung pedalaman, Melayu
- b) watak-wataknya Melayu
- c) cara hidup mereka Melayu
- d) kata-kata yang keluar daripada mulut mereka berunsur Islam dan berisi keimanan.

Beberapa persoalan harus diajukan, misalnya apakah yang kita cari dengan pendekatan ini? Mungkin antaranya citra, nilai, pemikiran dan perlakuan yang mengukuhkan hipotesis kita bahawa novel ini sememangnya relevan kalau pendekatan Islam dimanfaatkan. Memang jelas bahawa persoalan-persoalan tersebut mampu diangkat untuk membuktikan kebenarannya. Daripada *RSJ* kita dapat lihat

- a) Lahuma dan keluarga keseluruhannya pasrah dengan kata-kata yang diulang pengarang sebanyak tujuh kali: Allah Azzawajalla.
- b) Lahuma dan Jeha tidak pernah *mungkar* sama ada memprotes atau meninggalkan suruhan Allah seperti sembahyang.
- c) Dengan azab Allah yang datang bertimpa-timpa, Lahuma dan keluarga tetap mengerjakan sawah yang sama, menerima qada dan qadar tanpa persoalan atau cuba mencari jalan keluar seperti berpindah ke tanah baru seperti yang terlihat pada *Lari Bersama Musim* Muslim Burmat di Brunei DS.
- d) Kesatuan yang padu di kalangan penduduk Banggol Derdap, membantu serta mendoakan Lahuma waktu ditimpa musibah tercucuk duri nibung, memperlihatkan sebuah masyarakat Melayu kampung yang kuat aqidah Islam mereka.
- e) Takdir Jeha jadi gila adalah suatu fenomena psikologi Islam kerana dia tidak tahan lagi menyerap penderitaan yang tiba satu persatu. Sebagai

pembaca dan pengkritik, kita jangan mudah tersalah tafsir dengan neraca yang tidak relevan.

- f) Kesetiaan Jeha kepada Lahuma adalah citra Islam dan Melayu dengan peranan isteri sebagai pelengkap kepada suami, ketiadaan suami dialah ganti jadi “suami” meneruskan kehidupan.

Kenam-enam citra yang diberikan telah memperlihatkan betapa perspektif Melayu dan Islam menjadi paling relevan untuk kritikan ke atas teks itu. Sekiranya pemilihan pendekatan tidak relevan seperti dengan perspektif psikoanalisis, realisme sosialis, atau feminisme, maka keseluruhan perbincangan menjadi janggal dan hasil kritikan itu sudah tentu menyesatkan pembaca, lantas tidak adil kepada teks dan pengarangnya. Jadi, selain perspektif-perspektif itu mungkin saja (selain Islam) *RSJ* boleh juga dikritik dengan pendekatan alam sekitar, ekonomi, budaya dan psikologi.

Sebuah novel seperti *RSJ* boleh diperkatakan oleh beberapa kritikawan dengan beberapa pendekatan yang relevan. Kepelbagaian pendekatan bertujuan dan menghasilkan kepelbagaian dapatan dan kesimpulan. Akhirnya kerjaya kritikan lebih luas terbuka, berguna sebagai wacana ilmu, objektif serta saintifik. Teks daripada genre lain juga harus diperlakukan sedemikian. Bahawa keterbukaan cara pasti memberikan ruang dan peluang yang lebih luas di kalangan kritikawan. Disiplin kritikan sastera menjadi semakin saintifik dan objektif. Unsur emosi dan sentimen dapat dihindarkan ketika perbincangan dilakukan.

Majoriti teks sastera Melayu sangat relevan dikritik dengan pendekatan Melayu-Islam. Selain teori sastera Islam yang dicipta Shahnnon Ahmad dan telah diterima khalayak, membawa tema menulis sebagai ibadah “kerana Allah dan berhikmah kepada manusia”, teori-teori berkaitan Melayu-Islam lain juga boleh dimanfaatkan sekiranya seorang kritikawan telah mempelajari serta menguasainya. Antara teori baru yang dimaksudkan termasuklah Takmilah (Shafie Abu Bakar), Tauhid (Mohd. Affandi Hassan), Puitika Melayu (Muhammad Haji Salleh), Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang), Teksdealisme dan Takbudiyah (Mana Sikana), Semiotik Melayu (Sahlan Mohd.

Saman), Kritikan Melayu (S.Othman Kelantan), SBP4K (Mohd. Yusof Hassan) dan Kata Kunci (Mohamad Mokhtar Abu Hassan).

Teori-teori tersebut sebahagiannya masih dalam proses pemurnian, dan berkemungkinan ditolak sekiranya tidak memenuhi piawaian sebagai sebuah teori. Namun pensyarah sastera (terutamanya pada subjek teori dan kritikan sastera) harus memperkenalkannya kepada pelajar di IPTA demi proses pengukuhan serta pemurniannya. Paling asas ada empat kriteria yang harus dikenalpasti bagi setiap teori: definisinya, fungsinya, ciri-ciri khusus tentangnya, serta contoh-contoh relevan memanfaatkannya semula dalam kerja ilmiah seperti perbincangan teori dan kritikan sastera.

Perbincangan tentang novel *RSJ* seperti kita telah lakukan bertepatan sebagai pengisian kriteria teori sastera Islam Shahnnon Ahmad: definisinya jelas, fungsinya mencari unsur-unsur Islam di dalam ciri-cirinya terlihat sebagai karya Melayu, masyarakat Melayu, pegangan watak serta pengarangnya Islam. Akhirnya perbincangan tentang novel Shahnnon Ahmad ini dalam konteks sastera Islam pasti meninggalkan kesan bermanfaat untuk khalayak.

Sebagai pelajar sastera Melayu dan Kesusasteraan Bandingan yang berterusan mengisi ilmu dan pengetahuan ke dalam kantung disiplin masing-masing, kepakaran harus dijadikan matlamat sesuatu kerjaya. Dalam disiplin kritikan sastera, akhirnya seseorang hanya menjadi pakar kepada satu atau dua teori atau pendekatan. Individu lain begitu juga. Disiplin ini akan jadi meriah dan ilmiah kerana perkongsian ilmu manusia ini (bukan ilmu kalam) lebih luas keterbukaannya dan lebih ramai keterlibatannya.

IV Kesimpulan

Bahawa Kritikan Sastera Melayu telah sampai ke tahap yang membanggakan. Penguasaan dan penggunaannya telah cukup meluas, dapat pula diterima oleh khalayak sastera terutama para pengarang sebagai suatu disiplin yang bermanfaat untuk proses

kepengarangan dan penghayatan yang mengambil landasan ilmiah, objektif dan saintifik. Sampainya tahap kritikan sastera ke peringkat ini adalah sangat membanggakan selaras dengan perkembangan pendidikan Malaysia pascamerdeka.

Kritikan sastera yang menggunakan pendekatan Melayu-Islam terlebih dahulu mempelajari beberapa teori dan pendekatan yang relevan kemudian menguasainya sebelum menggunakannya dalam proses mengkritik sebuah karya sastera. Karya yang dikritik juga mestilah dipastikan domain kreativitinya adalah yang Melayu-Islam juga. Pengarangnya mestilah seorang mukmin. Kritikawan juga bertanggungjawab dengan segala kenyataan yang diberikannya dalam kerja kritikkannya itu. Yang utama kini ialah niat dan pendekatan yang dipilihnya kerana proses kerjanya dipastikan hanya kerana Allah dan bermanfaat kepada manusia (khususnya khalayak sastera). Seorang kritikawan yang arif akan kerjanya sentiasa berlaku adil kepada karya yang ditekuninya, kepada pengarangnya serta khalayak yang membaca tulisannya.

Rujukan

- Al-Attas, S. M. N. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Braginsky, V. I. 1979. "The Concept of 'The Beautiful' in Malay Classical Literature and its Muslim Roots" Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 8-10 September.
- Hashim Awang. 1994. "Pengkajian Sastera" Pengkaedahan Melayu" dalam Sahlan Mohd. Saman (pnyl). *Pengarang, Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Tulisan itu telah dibentangkan dalam Seminar Kesusasteraan Anatarabangsa Keusasteraan Melayu anjuran UKM pada tahun 1989.
- Leamen, O. 2004. *Mentafsirkan Seni dan Keindahan Islam*. Bandung: Mizan Pustaka
- Muhammad Haji Salleh. 1989. "Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan". Bangi: Universiti Kebasngsaan Malaysia

- Nordin Mohammad. 1997. "Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Novel-novel Pilihan Shahnnon Ahmad" Tesis Ssa di Jabatan Persuratan Melayu, FSKK, Universiti Kebasngsaan Malaysia, Bangi.
- Sahlan Mohd. Saman. 1996. "Teori Sastera Melayu: Suatu Perjalanan Masih Panjang" kertas kerja Kolokium Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sahlan Mohd. Saman. 1999. *Tokoh dan Kecenderungan Kritikan Sastera Mutakhir*. Bangi: Persatuan Penulis Selangor.
- Shahnnon Ahmad. 1977. "Sastera Islam" dalam *Dewan Sastera* Julai, h. 427
- Shahnnon Ahmad. 1983. "Masalah Kegiatan Kesusasteraan Sebagai Satu Ibadah" dalam *Dewan Sastera* Januari, h. 47

Sahlan Mohd. Saman
Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu,
Fakuklti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

2006